

UPM tawar atlet sambung pengajian

Kuala Lumpur: Seramai 28 atlet kebangsaan berstatus elit, pelapis dan luar program ditawarkan menyambung pengajian ke program bachelors di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi sesi akademik 2014/2015.

Kesemua atlet itu yang mewakili dalam pelbagai acara termasuk menembak, memanah, olahraga, hoki, taekwando, karate, bola tampar dewan, bola tampar pantai, gimnastik, tenis dan skuasy mendaftar semalam bersama 4,631 pelajar baru yang lain.

Berdasarkan pecahan seramai sembilan atlet berstatus elit, enam pelapis kebangsaan dan 13 luar program yang dipilih untuk menyambung pengajian dalam pelbagai kursus.

Kemasukan mereka ke menara gading adalah kesinambungan antara kerjasama awal yang dibuat oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan UPM pada 1996.

Satu memorandum persefahaman (MoU) dibuat antara MSN dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan UPM pada 5 November 2001.

Ia sekali gus memberi peluang buat atlet negara dibawah program prauniversiti Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) menempah tempat ke UPM.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran daripada 4,659 pelajar baru, 3,278 adalah pelajar wanita manakala selebihnya pelajar lelaki.

“Daripada jumlah itu, seramai 336 pelajar antarabangsa dari 23 buah negara ditawarkan ke program sarjana terdiri dari China, Amerika Syarikat, United Kingdom, Indonesia, Thai-



MOHAMMAD SHATAR

land, Iraq, Mesir, Kenya, Iran, Fiji, India, Kazakhstan, Jerman, Arab Saudi, Somalia, Mauritius, Sri Lanka, Palestin, India, Yemen, Nigeria, Sudan dan Oman,” katanya.

Sementara itu atlet olahraga negara, Zaidatul Husniah Zulkifli berkata, dia bersyukur diberi peluang untuk menyambung pengajian di UPM dalam jurusan pendidikan jasmani.

“Memang sejak prauniversiti lagi saya meminati jurusan ini dan saya rasa ia tidak akan mengganggu persiapan serta pembelajaran saya walaupun menjadi seorang pelajar universiti,” katanya yang beraksi di Sukan SEA 2013 Myanmar dan bakal mengambil bahagian di Sukan Universiti Asean (AUG) 2014 Disember ini.

Bagi pelapis memanah kebangsaan, Mohd Alif Adha, ia memang sesuatu yang menyeronokkan dapat menyambung pengajian di peringkat universiti serta bertemu ramai rakan baru.

“Sukan juga mampu membantu atlet memasuki universiti jadi program antara MSN dan UPM ini harus diteruskan bagi generasi akan datang,” katanya.